

09 JANUARI 2018

**HARIAN METRO**

**Permaisuri**

**Buang pil kuda elak ditahan**

Tindakan seorang lelaki dipercayai pengedar dadah cuba membuang bungkusan berisi 600 pil kuda di Kampung Telaga Papan di sini, kelmarin gagal apabila tetap ditahan polis.

Ketua Polis Daerah Setiu Deputy Superintendan Zulkifli Mat Deris berkata, suspek berusia 37 tahun itu ditahan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) ketika berada dalam

keadaan mencurigakan di belakang sebuah rumah di lokasi itu, jam 4.30 petang.

Menurutnya, suspek cuba melarikan diri sebaik menyedari kehadiran polis di kawasan berkenaan, tetapi ditahan selepas berlaku pergelutan.

“Suspek dilihat sempat mencampakkan satu bungkusan kertas surat khabar ke kawasan berpasir sebelum ditahan,” katanya.